



**Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

SIARAN AKHBAR

Sabtu, 26 Muharram 1443/4 September 2021 – Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan orang ramai dan penumpang-penumpang agar sentiasa mematuhi semua peraturan, prosedur dan langkah-langkah pencegahan Wabak COVID-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan.

Prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi semasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah seperti berikut:

- i. **Penumpang-penumpang yang akan berlepas adalah dimestikan untuk menggunakan prosedur 'drop-off' sahaja.**
- ii. **Orang ramai adalah tidak dibenarkan untuk mengambil penumpang semasa ketibaan.**
- iii. **Penumpang-penumpang hendaklah mempunyai aplikasi BruHealth dan mengimbas QR Code yang telah disediakan sebelum masuk ke Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.**
- iv. **Penumpang-penumpang yang tidak mempunyai aplikasi BruHealth, hendaklah menunjukkan dokumentasi penerbangan yang sah dan Sijil COVID-19 PCR Test yang negatif (jika perlu) sebelum masuk ke Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei serta mengisi butiran peribadi d idalam buku yang disediakan.**
- v. **Orang ramai yang tidak mempunyai aplikasi BruHealth adalah tidak dibenarkan masuk ke Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.**

Jabatan Penerbangan Awam ingin mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan dan kerjasama orang ramai serta penumpang-penumpang dalam sama-sama membendung penularan Wabak COVID-19.

Disediakan oleh:

Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan